

27/12/1999

Pemuda Mentakab sokong keputusan MT

MENTAKAB, Ahad - Pemuda Umno Mentakab menyokong keputusan Majlis Tertinggi (MT) Umno untuk mengambil tindakan terhadap ahlinya yang `menduakan' parti pada pilihan raya umum lalu.

Ketuanya, Mohd Sharkar Shamsuddin, berkata Pemuda Mentakab sebulat suara bersetuju dengan sebarang tindakan yang akan diambil MT demi menjaga kepentingan parti pada masa akan datang.

"Keputusan ini dibuat dalam mesyuarat jawatankuasa Pemuda Umno Bahagian Mentakab, petang ini," katanya ketika ditemui di majlis berbuka puasa Pemuda Umno Bahagian Mentakab di sini, hari ini.

Beliau yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Lanchang, berkata Pemuda Umno Mentakab mengucapkan tahniah kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamed yang juga Presiden Umno kerana kejayaan parti itu mendapat lebih dua pertiga majoriti dalam pilihan raya lalu.

Pemuda juga turut mengucapkan tahniah kepada Menteri Besar, Datuk Seri Adnan Yaakob kerana menerajui kemenangan Barisan Nasional (BN) di Pahang.

"Walaupun kita tewas beberapa kerusi di negeri ini, BN masih menjadi kerajaan negeri yang sah.

"Kita perlu belajar daripada kesilapan dan bersyukur kerana kesilapan yang kita lakukan tidak mengakibatkan kita kalah dalam pilihan raya lalu," katanya.

(END)